# i-GreatAmal

Perform the pilgrimage without worrying about your finances and protection needs. We provide protection for You!

Mengerjakan Ibadah dalam ketenangan tanpa risau akan status kewangan dan keperluan perlindungan anda. Kami menyediakan perlindungan untuk Anda!



## TAKAFUL CONCEPT

Takaful is a mutual assistance concept based on the principle of solidarity, cooperation and responsibility. Participants contribute on the basis of Tabarru' (donation) to a fund that will be used to help each other in time of misfortunes.

# PEACE OF MIND

Performing the Hajj is an obligation for all Muslims who are able-bodied and who can afford it, while Umrah is an encouraged Ibadah (worship). A Muslim must submit his total mind, body and soul while performing this Ibadah and leave material thoughts and worries behind. With this in mind, we have designed this plan for you. Muslims now can perform Hajj or Umrah without worrying about their finances and protection while performing the 5th pillar of Islam. Be rest assured. Be worry free. Perform your Ibadah with total peace of mind.

Introducing i-Great Amal, an affordable Family Takaful Term Plan that will help you to manage your finances and provide protection for you while you are on your journey to fulfill your spiritual obligation.

amal_889.indd 1 27/10/14 5:50 PM

# Cover You upon Unexpected Events

i-Great Amal is designed to protect you upon unexpected events. In the event of death, the Basic Sum Covered from the Tabarru' Fund[1] and total amount from the Participant's Individual Account (PIA)[2] (if any), will be paid out in full, easing financial burden of your loved ones.

Should you be afflicted with Total and Permanent Disability (TPD) before maturity, you will receive a sum of money in accordance to the TPD provisions of the certificate to be used towards meeting your disability expenses.

*Note: Terms and conditions apply.*

## Double Coverage for You While Performing Hajj or Umrah

At GETSB, we value the importance of Hajj and Umrah. With this in mind, we are offering double coverage in the event of your demise while performing your Ibadah of Hajj or Umrah. Double of Basic Sum Covered from the Tabarru' Fund and total amount from the PIA (if any) will be paid out in full to your loved ones to ease out their financial difficulties.

Should you be afflicted with TPD while performing Hajj or Umrah, you will receive double amount of the Basic Sum Covered from the Tabarru' Fund and total amount from the PIA (if any) in accordance to the TPD provisions of the certificate.

*Notes:*
1. *This benefit is applicable for death or TPD before the Person Covered's age 60 years.*
2. *Other terms and conditions may apply.*

## Compassionate Benefit

In the event of your death, your family will receive a lump sum payment of RM2,000 as Compassionate Benefit from the Tabarru' Fund.

[1] *Tabarru' Fund refers to a pool of funds established for the purpose of solidarity and cooperation among the participants that is used to help all participants in the event of misfortunes.*
[2] *Participant's Individual Account (PIA) refers to the individual account into which the contributions are allocated.*



amal_889.indd 2 27/10/14 5:50 PM

# Extra Benefits to Sparkle Your Journey

## Cash for Performing Hajj or Umrah

If you are planning to perform Hajj or Umrah, worry not about your expenses because we will give you RM800 (once in a certificate lifetime) in cash.

We will also give out this RM800 as hibah[3] to you or your loved ones if unexpected event like death or TPD happens to you at anytime as long as the certificate is still inforce (if yet to be utilized during the certificate lifetime)

And, so long you have not received this cash benefit during the certificate lifetime, we will pay out RM2,000 lump sum on top of the amount in PIA (if any) upon maturity.

*Notes:*

1. *Certificate must be inforce for at least 5 years to be eligible for this benefit and all contributions due are paid up-to-date.*
2. *This benefit is given for up to 2 certificates only.*
3. *Other terms and conditions may apply.*

## Badal Hajj (Hajj by Proxy)

Hajj is the 5th pillar upon which Islam stands. To ensure that your Hajj obligation is fulfilled even in the event of your death or if you should be suffering from TPD, we will appoint an able body or organization to perform Badal Hajj for you. The fees shall be deducted from the benefit payable to the nominee. This benefit is only applicable for Person Covered age 16 years (age next birthday) and above, upon claims.

*Note: Terms and conditions apply.*

[3] *Hibah refer to gifts from Takaful Operator to participants.*



amal_889.indd 3 27/10/14 5:50 PM

## Adha Benefit

The Prophet Muhammad (pbuh) was asked "What is Qurban[4]?", He answered "It is the sunnah of your father Ibrahim (as)". They asked again "What will we receive from the Qurban?". He answered "For every hair in the wool of the Qurban animal you will receive a reward". (hadith – Ahmad and Ibn Majah).

To assist you in performing this noble deed, we feel privileged to grant you RM500 for you to perform this act on one part of the chosen animal for Qurban. You have the option to perform the deed yourself or appoint us as an agent to perform the Qurban for you.

*Notes:*

1. *Certificate must be inforce for at least 10 years to be eligible for this benefit and all contributions due are paid up-to-date.*
2. *If the cost to perform Qurban is more than RM500, we will pay you the maximum amount of RM500 without the option of appointing us as agent to perform Qurban for you.*
3. *We have the right to replace this benefit with other equivalent benefit without giving any advance notice.*
4. *Other terms and conditions may apply.*

## Pays You Upon Maturity

Upon maturity, 100% of the total amount in the PIA (if any) and Cash for Performing Hajj or Umrah Benefit of RM2,000 (if yet to be utilized during the certificate lifetime) will be payable in a lump sum.

## Extra Protection

With an additional contribution, you can enhance your i-Great Amal protection with optional add-ons. Some of these are:

- **i-Contributor Benefit Plus Term Rider**

  All future basic contributions and contributions for i-Critical Illness Benefit Term Rider (if any) due up to end of coverage term will be payable from the Tabarru' Fund if the participant passes away or suffers TPD or critical illness. This rider ensures your uninterrupted protection.

- **i-Critical Illness Benefit Term Rider**

  If you suffer from any one of the 36 critical illnesses, a certain amount of sum covered will be payable.

*Note: For more information on these riders and other available riders, please contact your servicing agent or our Careline.*

[4] *Qurban refer to sacrifice of a livestock animal during Eid ul-Adha.*

## Rewards You With Underwriting Surplus and Investment Profit

With i-Great Amal, any underwriting surplus, after a suitable amount is held back for contingency purposes, will be shared between you and us in the ratio of 50:50. Your share of surplus will be credited back into PIA.

100% of Investment Profit from the Tabarru' Fund and PIA will also be credited back to PIA.

*Note: The underwriting surplus and investment profits are determined yearly.*

## Enjoy Tax Relief

Benefits received from i-Great Amal are generally non-taxable and contributions paid may qualify for tax relief.

*Note: Tax benefits are subject to the Malaysian Income Tax Act, 1967, and final decision of the Inland Revenue Board*

## Frequently Asked Questions

Q: What is the minimum and maximum age at entry?

A: The minimum age at entry is 30 days (attained age) and the maximum age at entry is 60 years (age next birthday).

Q: What is the minimum contribution?

A: The minimum contribution for this plan is RM50 a month or RM600 per year. Contribution amount depends on the age, gender and smoking status of the Person Covered.

Q: What are the minimum and maximum sum covered?

A: The minimum sum covered is RM10,000 and the maximum sum covered are subject to underwriting decision.

Q: How do I make my contribution?

A: You have the flexibility to make your contribution by GIRO, Banker's Order and credit card on an annually, half-yearly, quarterly or monthly basis. Cheque and cash are allowed for annual contributions only.

Q: What are the fees and charges?

<table>
<tr>
<td>Upfront Charge</td>
<td>Upfront Charge (as a % of the contributions paid) is the unallocated contributions and used to meet Takaful Operator’s expenses and direct distribution cost, including the commissions payable to the agent.
<table>
<tr><th>Contribution due and paid (Year)</th><th>Upfront Charge<br>(% of the total contributions)</th></tr>
<tr><td>1</td><td>80</td></tr>
<tr><td>2</td><td>70</td></tr>
<tr><td>3</td><td>60</td></tr>
<tr><td>4</td><td>50</td></tr>
<tr><td>5</td><td>33</td></tr>
<tr><td>6</td><td>28</td></tr>
<tr><td>7</td><td>22</td></tr>
<tr><td>8</td><td>17</td></tr>
<tr><td>9 and 10</td><td>16</td></tr>
<tr><td>11 to 15</td><td>11</td></tr>
<tr><td>16 and above</td><td>5</td></tr>
</table>
* These upfront charges are for certificate terms of 20 years and above only. For other certificate terms, you may refer to the Benefit Illustration for details of the upfront charges.
</td>
</tr>
<tr>
<td>Tabarru’</td>
<td>Tabarru’ depends on the sum covered, age, gender, smoking habits, occupation and health condition (where applicable). The Tabarru’ will be deducted from the PIA monthly.</td>
</tr>
</table>

*Note: The above fees and charges may be varied from time to time by us giving you at least 3 months notice.*

Q: What are the exclusions under the certificate?

A: Some of the exclusions under this plan include:

(a) Pre-existing condition;

(b) Death during the first certificate year as a result of suicide, while sane or insane;

(c) Total and Permanent Disability resulting from self-inflicted injuries, while sane or insane.

Full details of the exclusions and limitations of benefits are explained in the certificate document.



amal_889.indd 6 27/10/14 5:50 PM

## Important Notices

i-Great Amal is a regular contribution Family Takaful Term Plan that matures at age 70 next birthday or up to maximum cover of 50 years with extra benefit of protection while performing Hajj or Umrah. Contributions are payable until the end of your coverage term or death or TPD, whichever occurs first. The contribution must be paid regularly to ensure your PIA is sufficient to cover for your protection at all times.

You should satisfy yourself that this plan will best serve your needs and that the contributions payable under the certificate are affordable to you.

A "free-look period" of 15 days from the **receipt date of the certificate document** is given for you to review the suitability of the plan. If the certificate document is returned to the Takaful Operator during this period, the Takaful Operator shall refund an amount equal to the amount of contributions paid minus the expenses incurred for the medical examination (if any).

Upon termination or expiry of this plan, no benefits will be payable from the Tabarru' Fund.

You may stop paying contributions and still enjoy protection as long as there are sufficient amount of money in PIA to pay for the Tabarru', where applicable. However, there is a possibility of certificate lapsing when the required charges, including Tabarru', exceed the money available in PIA.



amal_889.indd 7 27/10/14 5:50 PM

This brochure provides general information only. You are advised to refer to the Benefit Illustration, Product Disclosure Sheet and sample certificate document for detailed features and benefits of the plan before participating in the plan. The Takaful Operator reserves the right to revise the benefit structure and limitations by giving at least 30 days notice or increase the Tabarru' on certificate anniversary by giving at least 3 months notice. For further details on other terms and conditions, please refer to the certificate document issued by Great Eastern Takaful Sdn. Bhd.

All monies are invested in Shariah-approved shares and securities.
i-Great Amal is a Shariah-compliant product.

For more information, please contact your servicing agent or our Careline at 1 300 13 8338.



amal_889.indd 8 27/10/14 5:50 PM

## KONSEP TAKAFUL

Takaful merupakan konsep saling bantu-membantu berdasarkan prinsip perpaduan, kerjasama dan tanggungjawab. Peserta membuat caruman berdasarkan Tabarru' (sumbangan) ke dalam dana yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain semasa kesusahan.

# KETENANGAN MINDA

Mengerjakan Haji adalah satu kewajipan untuk semua umat Islam yang berupaya dan mampu, manakala Umrah pula adalah Ibadah yang digalakkan. Seorang yang beragama Islam mestilah memberikan sepenuh tumpuan dari segi rohani dan jasmani dalam mengerjakan Ibadah ini serta tidak memikirkan atau merisaukan tentang duniawi. Berdasarkan keperluan inilah, kami telah mengeluarkan pelan ini untuk anda. Umat Islam kini boleh mengerjakan Haji atau Umrah tanpa sebarang keraguan mengenai status kewangan ataupun perlindungan mereka semasa mengerjakan rukun Islam yang ke-5 ini.
Yakin sepenuhnya. Tenangkan jiwa anda.
Kerjakan Ibadah anda dengan ketenangan minda.

Memperkenalkan i-Great Amal, Pelan Takaful Keluarga Bertempoh yang mampu dimiliki, yang akan membantu anda dalam menguruskan status kewangan dan memberikan perlindungan untuk anda sepanjang perjalanan dalam memenuhi keperluan rohaniah anda.

amal_889.indd 9 27/10/14 5:50 PM

# Melindungi Anda daripada Kejadian yang Tidak Diduga

i-Great Amal direka untuk melindungi anda dan orang tersayang daripada kejadian yang tidak diduga. Sekiranya berlaku kematian, Jumlah Perlindungan Asas daripada Dana Tabarru'[1] dan jumlah keseluruhan yang ada di dalam Akaun Individu Peserta (PIA)[2] (jika ada), akan dibayar sepenuhnya, untuk mengurangkan beban orang tersayang.

Sekiranya anda mengalami Hilang Upaya Penuh dan Kekal (TPD) sebelum sijil matang, anda akan menerima sejumlah wang mengikut peruntukan TPD dalam sijil untuk perbelanjaan hilang upaya.

*Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat.*

## Manfaat Berganda Ketika anda Mengerjakan Haji atau Umrah

Di GETSB, kami menghargai kepentingan Haji dan Umrah. Dengan itu, kami menawarkan perlindungan berganda sekiranya anda ditimpa musibah kematian semasa mengerjakan Ibadah Haji atau Umrah. Kami akan memberikan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak dua kali ganda daripada Dana Tabarru' dan jumlah keseluruhan yang ada di dalam PIA (jika ada) akan dibayar sepenuhnya kepada insan kesayangan anda supaya meringankan kesukaran kewangan yang mereka hadapi.

Sekiranya anda mengalami TPD semasa mengerjakan Haji atau Umrah, anda akan menerima perlindungan kewangan sebanyak dua kali ganda daripada Jumlah Perlindungan Asas dan jumlah keseluruhan yang ada di dalam PIA (jika ada) mengikut peruntukan TPD dalam sijil.

## Manfaat Ihsan

Sekiranya anda meninggal dunia, keluarga anda akan menerima RM2,000 dalam jumlah sekali gus sebagai Manfaat Ihsan daripada Dana Tabarru'.

*Nota:*

1. *Manfaat ini adalah tertakluk untuk kematian atau TPD sebelum Orang yang Dilindungi berumur 60 tahun.*
2. *Tertakluk kepada lain-lain terma dan syarat.*

[1] *Dana Tabarru' merujuk kepada kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara peserta yang digunakan untuk membantu semua peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.*

[2] *Akaun Individu Peserta (PIA) merujuk kepada akaun individu yang mana caruman diperuntukkan.*



amal_889.indd 10 27/10/14 5:50 PM

# Manfaat Tambahan bagi Menyinarkan Perjalanan Anda

## Tunai untuk Mengerjakan Haji atau Umrah

Sekiranya anda bercadang untuk mengerjakan Haji atau Umrah, anda tidak perlu risau soal perbelanjaan kerana kami akan memberikan RM800 (sekali sahaja sepanjang tempoh sijil) secara tunai.

Pihak kami akan turut memberikan wang RM800 ini sebagai hibah[3] kepada anda atau orang yang anda kasihi sekiranya perkara yang tidak diingini menimpa anda seperti kematian atau TPD pada bila-bila masa selagi sijil masih berkuatkuasa (sekiranya belum dituntut sepanjang tempoh sijil).

Dan sekiranya anda masih belum menerima manfaat tunai ini sepanjang tempoh sijil, pihak kami akan membayar RM2,000 sekali gus bersama jumlah di dalam PIA (sekiranya ada) semasa tempoh matang.

*Nota :*
1. *Sijil mestilah berkuatkuasa sekurang-kurangnya 5 tahun untuk layak menerima manfaat ini dan semua caruman telah dikemaskini.*
2. *Manfaat ini hanya akan diberikan bagi 2 sijil sahaja.*
3. *Tertakluk kepada lain-lain terma dan syarat.*

## Badal Haji (Haji yang Dilakukan oleh Wakil)

Menunaikan haji merupakan rukun Islam yang ke-5. Bagi memenuhi tuntutan Haji ini, sekiranya ditakdirkan anda meninggal dunia atau menderita akibat TPD, kami akan melantik mana-mana badan dan organisasi yang berkaitan bagi menunaikan Badal Haji untuk anda. Segala yuran yang dikenakan akan ditolak daripada manfaat yang akan dibayar kepada penama. Manfaat ini adalah tertakluk kepada Orang yang Dilindungi berumur 16 tahun (hari jadi berikutnya) dan keatas sahaja semasa tuntutan dibuat.

*Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat.*

[3] *Hibah merujuk kepada hadiah daripada Pengendali Takaful kepada peserta.*



amal_889.indd 11 27/10/14 5:50 PM

## Manfaat Adha

Para sahabat pernah bertanya Rasulullah SAW: "Ya Rasulullah, apakah yang dimaksudkan dengan Qurban[4]?" Rasulullah SAW menjawab: "Itulah sunnah bapamu Ibrahim." Para sahabat bertanya lagi, "Apakah yang kita akan perolehi daripada Ibadah Qurban?" Baginda menjawab, "Untuk setiap helai bulu dari binatang Qurban, kamu akan mendapat satu kebaikan." (Hadis riwayat Ahmad dan Ibnu Majah).

Bagi membantu anda mengerjakan Ibadah ini, kami berasa bertuah untuk memberikan anda RM500 untuk anda mengerjakan Ibadah Qurban ke atas satu bahagian haiwan yang akan dikorbankan. Anda mempunyai pilihan untuk mengerjakannya sendiri atau melantik kami sebagai ejen bagi mengerjakan Ibadah Qurban untuk anda.

*Nota:*

1. *Sijil mestilah berkuatkuasa sekurang-kurangnya 10 tahun untuk layak menerima manfaat ini dan semua caruman telah dikemaskini.*
2. *Sekiranya kos bagi mengerjakan Qurban melebihi RM500, kami akan membayar anda sehingga maksima RM500 tanpa pilihan untuk melantik kami sebagai ejen untuk mengerjakan Qurban untuk anda.*
3. *Kami berhak mengganti manfaat ini dengan manfaat yang bersamaan tanpa perlu memberi notis awal.*
4. *Tertakluk kepada lain-lain terma dan syarat.*

## Peroleh Ganjaran Apabila Sijil Matang

Setelah sijil matang, 100% daripada jumlah kesuluruhan dalam PIA (jika ada) dan manfaat Tunai untuk Mengerjakan Haji atau Umrah sebanyak RM2,000 (sekiranya masih belum dituntut sepanjang tempoh sijil) akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus.

## Perlindungan Tambahan

Dengan caruman tambahan, anda boleh menambah manfaat pilihan bagi perlindungan i-Great Amal. Sebahagian daripada manfaat pilihan tersebut adalah:

- **i-Contributor Benefit Plus Term Rider**

  Semua caruman asas dan caruman bagi i-Critical Illness Benefit Term Rider (jika ada) yang perlu dibayar sehingga akhir tempoh perlindungan akan dibayar daripada Dana Tabarru' jika peserta meninggal dunia atau mengalami TPD atau penyakit kritikal. Rider ini memastikan anda tetap memperolehi perlindungan tanpa sebarang gangguan.

- **i-Critical Illness Benefit Term Rider**

  Jika anda mengalami salah satu daripada 36 penyakit kritikal, jumlah perlindungan yang tertentu akan dibayar.

*Nota: Untuk maklumat lanjut berkenaan rider ini dan rider lain yang ada, sila hubungi ejen perkhidmatan anda atau Careline kami.*

[4] *Qurban merujuk kepada haiwan yang boleh dijadikan korban pada Hari Raya Aidil Adha.*



amal_889.indd 12 27/10/14 5:50 PM

## Dapatkan Ganjaran Dengan Lebihan Pengunderitan dan Keuntungan Pelaburan

Dengan i-Great Amal, sekiranya terdapat lebihan pengunderitan, setelah melakukan penyelarasan yang sesuai untuk tujuan kecemasan, ianya akan dikongsi antara anda dan kami dengan nisbah 50:50. Bahagian anda daripada lebihan tersebut akan dikreditkan semula ke dalam PIA.

100% daripada Keuntungan Pelaburan daripada Dana Tabarru' dan PIA akan dikreditkan semula ke dalam PIA.

*Nota: Lebihan pengunderitan dan keuntungan pelaburan akan ditentukan secara tahunan.*

## Nikmati Pelepasan Cukai

Manfaat yang diterima daripada i-Great Amal secara umumnya tidak dikenakan cukai dan caruman yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai.

*Nota: Manfaat cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.*

## Soalan yang Sering Ditanya

S: Berapakah umur kemasukan minima dan maksima?

J: Umur kemasukan minima ialah 30 hari (umur semasa) dan umur kemasukan maksima ialah 60 tahun (hari jadi berikutnya).

S: Berapakah caruman minima?

J: Amaun minima bagi pelan ini ialah RM50 sebulan atau RM600 setahun. Caruman adalah berdasarkan umur, jantina dan status merokok Orang yand Dilindungi.

S: Berapakah jumlah perlindungan minima dan maksima?

J: Jumlah Perlindungan minima ialah RM10,000 dan jumlah perlindungan maksima adalah tertakluk kepada keputusan pengunderitan.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat caruman?

J: Anda mempunyai fleksibiliti untuk membuat caruman menggunakan GIRO, Arahan Bank dan kad kredit secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Cek dan tunai hanya dibenarkan bagi caruman tahunan sahaja.



amal_889.indd 13 27/10/14 5:50 PM

## S: Berapakah yuran dan caj yang dikenakan?

<table>
<tr><td>Caj Pendahuluan</td><td>Caj Pendahuluan (sebagai % daripada caruman yang dibayar) adalah caruman yang tidak diperuntukkan dan digunakan untuk memenuhi perbelanjaan Pengendali Takaful dan kos pengagihan terus, termasuk komisen yang dibayar kepada ejen.<br><br>
<table>
<tr><th>Caruman yang perlu dibayar (Tahun)</th><th>Caj Pendahuluan (% daripada caruman keseluruhan)</th></tr>
<tr><td>1</td><td>80</td></tr>
<tr><td>2</td><td>70</td></tr>
<tr><td>3</td><td>60</td></tr>
<tr><td>4</td><td>50</td></tr>
<tr><td>5</td><td>33</td></tr>
<tr><td>6</td><td>28</td></tr>
<tr><td>7</td><td>22</td></tr>
<tr><td>8</td><td>17</td></tr>
<tr><td>9 dan 10</td><td>16</td></tr>
<tr><td>11 hingga 15</td><td>11</td></tr>
<tr><td>16 dan seterusnya</td><td>5</td></tr>
</table>
<br>* Caj Pendahuluan ini adalah bagi tempoh sijil 20 tahun dan lebih sahaja. Bagi tempoh sijil yang lain, anda boleh merujuk kepada Ilustrasi Manfaat bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan caj pendahuluan.</td></tr>
<tr><td>Tabarru’</td><td>Tabarru’ bergantung kepada jumlah perlindungan, umur, jantina, status merokok, pekerjaan dan keadaan kesihatan (mana yang berkenaan). Tabarru’ akan ditolak secara bulanan daripada PIA.</td></tr>
</table>

*Nota: Bayaran dan caj di atas tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa dengan memberi notis 3 bulan kepada anda.*

## S: Apakah pengecualian bagi sijil?

J: Beberapa pengecualian di bawah pelan ini termasuk:
- (a) Keadaan sedia ada;
- (b) Kematian pada tahun pertama sijil akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras; dan
- (c) Hilang Upaya Total dan Kekal akibat kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.

Maklumat terperinci mengenai pengecualian dan had manfaat dinyatakan dalam dokumen sijil.



amal_889.indd 14 27/10/14 5:50 PM

## Notis Penting

i-Great Amal merupakan pelan Pelan Takaful Keluarga Bertempoh dengan caruman berkala yang matang pada umur 70 tahun hari jadi berikutnya atau sehingga tempoh maksima 50 tahun berserta manfaat tambahan perlindungan ketika mengerjakan Ibadah Haji atau Umrah. Caruman dibayar sehingga tempoh perlindungan tamat atau kematian atau TPD, mana yang berlaku dahulu. Caruman hendaklah dibayar secara berkala bagi memastikan PIA anda adalah cukup untuk menampung perlindungan anda pada setiap masa.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar di bawah sijil ini adalah amaun yang anda mampu bayar.

Tempoh "rujukan percuma" selama 15 hari **daripada tarikh penerimaan dokumen sijil** diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika dokumen sijil dikembalikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh ini, Pengendali Takaful akan mengembalikan suatu amaun yang bersamaan dengan amaun caruman yang dibayar ditolak dengan perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan (jika ada).

Apabila pelan ditamatkan atau luput, tiada manfaat akan dibayar dari Dana Tabarru'.

Anda boleh berhenti membayar caruman dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah yang mencukupi di dalam PIA untuk membayar Tabarru', mana-mana yang berkenaan. Namun terdapat kemungkinan sijil menjadi luput apabila caj yang dikenakan, termasuk Tabarru', melebihi jumlah duit yang ada di dalam PIA.



amal_889.indd 15 27/10/14 5:50 PM

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Ilustrasi Manfaat, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen sijil bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum menyertai pelan ini. Pengendali Takaful berhak menyemak semula struktur manfaat dan had dengan memberi notis sekurang-kurangnya 30 hari atau meningkatkan Tabarru' pada ulang tahun sijil dengan memberi notis sekurang-kurangnya 3 bulan. Untuk maklumat lanjut berkenaan lain-lain terma dan syarat, sila rujuk kepada dokumen sijil yang dikeluarkan oleh Great Eastern Takaful Sdn. Bhd.

**Semua duit dilaburkan dalam pegangan dan sekuriti yang diluluskan Syariah.**
**i-Great Amal merupakan produk berlandaskan Syariah.**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen perkhidmatan anda atau Careline kami di 1 300 13 8338.

All funds are invested in Shariah-approved shares and securities.
i-Great Amal is a Shariah-compliant product.

For more information, please contact your servicing agent or our Careline at 1300 13 8338.

Great Eastern Takaful Berhad is a registered Takaful Operator under the Takaful Act, 1984 and regulated by Bank Negara Malaysia.

Great Eastern Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Takaful,1984 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**GREAT EASTERN TAKAFUL SDN. BHD.** (916257-H)
Menara Great Eastern
303 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.
Tel: (603) 4259 8338
Fax: (603) 4259 8808
Careline: 1300 13 8338
Email: i-greatcare@i-great.com.my
Website: www.i-great.com

MEMBER PIDM

Great Eastern Takaful Berhad is a member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). As a member of PIDM, some of the benefits insured under the takaful certificates offered by Great Eastern Takaful Berhad are protected against loss of part or all of takaful or insurance benefits by PIDM, in the unlikely event of an insurer member failure. For further details of the protection limits and the scope of coverage, please obtain a PIDM information brochure from Great Eastern Takaful Berhad or visit PIDM website (www.pidm.gov.my) or call PIDM toll free line (1-800-88-1266).

AHLI PIDM

Great Eastern Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Great Eastern Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Great Eastern Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).